

15 AUG 2001

Syed Hamid-Yaman

LAWATAN DR MAHATHIR PERKUKUH HUBUNGAN M'SIA-YAMAN

Oleh: Abdul Muin Majid

SANA'A, 15 Ogos (Bernama) -- Lawatan empat hari Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Yaman bermula hari ini akan memberi manfaat besar kepada kedua-dua negara dalam usaha bersama untuk meluaskan hubungan mesra yang sedia terjalin, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Lawatan Perdana Menteri akan menguntungkan kedua-dua pihak," katanya kepada wartawan Malaysia yang berada di sini untuk membuat liputan lawatan Dr Mahathir itu.

Beliau berkata Yaman melihat Malaysia dan kepimpinan Dr Mahathir sebagai contoh terbaik sebuah negara Islam dalam mencapai kemajuan dan keharmonian sosial dengan berpegang kepada prinsip kesederhanaan.

Syed Hamid berkata Yaman juga ingin mempelajari daripada pengalaman Malaysia dalam bidang latihan tenaga manusia dan pembangunan luar bandar.

Sebaliknya, Yaman yang terletak di Asia Barat dan berdepan dengan benua Afrika, boleh menjadi pintu masuk bagi barangan Malaysia ke rantau itu yang mempunyai pasaran meliputi 150 juta orang di negara-negara seperti Arab Saudi, Djibouti, Eritrea dan Somalia.

Ini sejajar dengan hasrat Dr Mahathir supaya Malaysia dapat mempelbagaikan pasaran bagi produknya untuk mengurangkan kesan jika berlaku kemerosotan di negara rakan dagangan yang lain.

Ahli-ahli perniagaan yang mengiringi Perdana Menteri dalam lawatan itu berpeluang melihat pelbagai bidang untuk usaha sama dengan rakan kongsi dari Yaman, kata Syed Hamid.

Sebagai contoh, katanya, Airod akan melihat kemungkinan memperbaharui kontrak untuk menyenggara pesawat milik tentera udara Yaman manakala Petronas pula akan meninjau peluang menyertai eksplorasi minyak di Yaman.

Dagangan dua hala tahun lepas berjumlah RM260 juta yang memihak kepada Kuala Lumpur.

Eksport Malaysia berjumlah RM200 juta meliputi minyak sawit, papan bergergaji, papan lapis, barangan elektrik dan barangan pengguna lain manakala Yaman pula menjual minyak mentah, barangan kulit, makanan laut beku dan buah-buahan kepada Malaysia.

Dr Mahathir dijadual tiba pada 7 malam waktu tempatan (tengah malam di Malaysia) selepas mengakhiri lawatan peribadi ke Eropah.

Lawatan beliau ke negara yang mempunyai 18 juta penduduk ini, adalah sebagai membalas kunjungan Presiden Ali Abdullah Salleh ke Malaysia pada 1998.

Rombongan Dr Mahathir termasuk Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob, Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Dua memorandum persefahaman akan ditandatangani sempena lawatan itu -- satu mengenai kerjasama dan latihan dalam pentadbiran awam, dan satu lagi untuk penubuhan Suruhanjaya Bersama Malaysia-Yaman.

Esok, Dr Mahathir akan mengunjungi Presiden Ali Abdullah dan juga mengadakan perbincangan dengan rakan sejawatannya dari Yaman Abdul Kader Ba Jammal. Ini akan diikuti mesyuarat di peringkat delegasi.

Perdana Menteri akan mengadakan dialog dengan anggota-anggota Majlis Syura, ulama dan intelek sebelum berlepas ke Aden, sebuah bandar raya pelabuhan.

Di situ, beliau akan menemui Gabenor Aden, Taha Ahmad Ghanem serta

melawat Zon Perdagangan Bebas Aden dan berbincang dengan anggota-anggota Dewan Perniagaan dan Perindustrian Yaman.

Pada Jumaat, Dr Mahathir akan berlepas dari Aden menuju Seiyoun di rantau Hadhramout untuk menemui satu lagi kumpulan ulama dan pelajar-pelajar Malaysia. Beliau juga akan melawat beberapa kawasan bersejarah di Seiyoun dan Shibam.

Pada Sabtu, Perdana Menteri akan berlepas pula ke Uganda untuk satu lawatan.

-- BERNAMA
MAM ZAI MAI